

## **KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR (FPTV) DI UTHM**

Tamil Selvan Subramaniam<sup>1,\*</sup>, Nur Fazilah Ab Majid<sup>2</sup>, Arihasnida Ariffin<sup>3</sup>, Norhasyimah Hamzah<sup>4</sup> & Siti Kamariah Rubani<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, UTHM

\*Correspondence: tselvan@uthm.edu.my

### **Abstrak**

*Kemahiran keusahawanan merupakan kebolehan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan. Permasalahan kajian adalah kurang dapatan mengenai tahap kemahiran keusahawanan yang diterapkan menerusi PdP dan menyebabkan kadar pengangguran siswazah semakin meningkat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauhmana kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) di UTHM. Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Responden melibatkan 144 orang pelajar tahun empat (4) iaitu pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional di FPTV, UTHM. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package of Social Science (SPSS) version 21.0 dan diinterpretasi dalam bentuk min dan sisihan piawai. Hasil maklum balas mendapati pelajar menunjukkan penerimaan yang sederhana untuk ketiga-tiga aspek iaitu dari aspek kebolehan pelajar dalam merebut peluang perniagaan, merangka perancangan perniagaan dan mengenalpasti kebolehan untuk bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan. Sumbangan kajian ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada tenaga pengajar dalam merancang strategi yang terbaik untuk meningkatkan tahap keusahawanan menerusi aktiviti PdP.*

**Katakunci:** *Kemahiran keusahawanan, peluang perniagaan, merangka perancangan, kebolehan bekerja sendiri*

### **Abstract**

*Entrepreneurship skills involve the ability to explore opportunities and develop risk awareness, creativity and innovation in business related activities. The problem of the study is that there is little finding about the level of entrepreneurial skills applied through teaching and learning activities and caused the increasing rate of unemployment graduates. This research aims to identify the extent of entrepreneurial skills among the final year students of the Faculty of Technical and Vocational Education (FPTV) at UTHM. Quantitative research used by survey method and questionnaires to collect data. The respondents involved from 144 fourth year students which is a final year of Bachelor of Vocational Education in FPTV, UTHM. The data were analyzed using the Statistical Package of Social Science (SPSS) version 21.0 and interpreted in the form of mean and standard deviation. The results showed that students have medium acceptance against three aspects which are in terms of, identifying the ability of final year students (FPTV) to take business opportunities through learning and teaching activities at UTHM, identifying the ability to design business planning and identify the ability to work on their own in the field of entrepreneurship as a career opportunity. The contribution of the research can be used as a benchmark for instructors in planning the best strategies to enhance entrepreneurship levels through teaching and learning activities. Questionnaire instruments can also be used for research that almost the same as references for future research.*

**Keywords:** *Entrepreneurship skills, seize business opportunities, devise planning, self employed ability*

## 1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia kini berada pada peringkat pertengahan ke arah mencapai Wawasan 2020. Pada tahun 2016, Rancangan Malaysia kesebelas (RMK-11) telah dilancarkan. Antara agenda RMK-11 iaitu banyak usaha dilakukan oleh kerajaan untuk membina masyarakat usahawan bumiputera, misalnya melalui program Komuniti Komersial dan Industri Bumiputera (BCIC) yang diperkenalkan di bawah Dasar Pembangunan Baru (NDP). RMK-11 lebih banyak strategi inovatif diperkenalkan bagi membentuk budaya dan set minda keusahawanan dalam kalangan Bumiputera. Sekolah teknik atau vokasional, institusi kemahiran seperti IKM, ILP, Giat MARA dan sebagainya perlu diberi daya untuk melahirkan graduan yang berjiwa keusahawanan.

Kemahiran keusahawanan perlu dijadikan sebagai subjek wajib agar pelajar mempelajari asas keusahawanan di institusi pendidikan tinggi (IPT) dan dapat membuka perniagaan sendiri selepas tamat pengajian. Galakan perlu diberikan kepada pelajar ke arah keusahawanan kerana golongan ini berpotensi menjadi usahawan yang berjaya. Pendedahan perlu diberikan kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Sikap, minat dan persepsi mereka terhadap kerjaya keusahawanan harus diperbetulkan agar bidang keusahawanan dipilih sebagai salah satu peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan pengajian.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian adalah kurang dapatan mengenai tahap kemahiran keusahawanan yang diterapkan menerusi aktiviti PdP. Perkara utama yang perlu diterapkan dalam diri seorang usahawan itu bergantung kepada kemampuan dan kesungguhan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Keusahawanan telah dilihat sebagai salah satu daripada jalan penyelesaian bagi masalah pengangguran siswazah berijazah terutamanya dalam zaman era pemodenan ini iaitu siswazah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan pada masa kini. Isu pengangguran dalam kalangan para graduan adalah bukan satu isu yang sering dihebahkan dan menjadi kekangan kepada Negara.

Disebabkan kurangnya penguasaan kemahiran insaniah (*soft skills*) merupakan punca berlakunya masalah pengangguran dalam kalangan graduan. Dapatan kajian Nor Fadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010), menunjukkan pelajar IPTA masih belum menunjukkan minat untuk menjadi usahawan yang mana hanya terdapat sebanyak 58.8% sahaja yang tertumpu pada bidang keusahawanan yang mempengaruhi minat mereka. Peratusan ini masih lagi di dalam kelompok yang masih kecil sedangkan terdapat pelbagai bidang yang telah dijalankan di peringkat universiti samada dari segi kurikulum keusahawanan dan kokurikulum. Ini menunjukkan pelajar IPTA masih ingin untuk bekerja makan gaji apabila tamat pengajian mereka. Walaupun majoriti pelajar bersikap terbuka terhadap kerjaya usahawan (80.0%), tetapi sikap tersebut tidak memberi impak kepada mereka untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Minat pelajar yang masih rendah terhadap kerjaya keusahawanan dapat dilihat daripada dapatan kajian yang menunjukkan tidak ramai pelajar IPTA yang melibatkan diri dalam kursus keusahawanan. Hanya 33% pernah mengikuti kursus sama ada yang pernah dijalankan di peringkat universiti dengan mendapatkan bantuan dana daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) banyak menyediakan peluang kursus untuk pelajar menjadi usahawan secara percuma. Kemahiran keusahawanan perlu dipupuk melalui program –program ini bagi membantu pelajar universiti menceburi bidang keusahawanan.

Terdapat tiga (3) aspek keusahawanan yang dikaji dalam kajian ini antaranya ialah mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir FPTV dalam merebut peluang perniagaan menerusi PdP di UTHM, mengenalpasti persepsi pelajar dalam merangka perancangan perniagaan dan mengenalpasti persepsi pelajar untuk bekerja sendiri terhadap bidang keusahawanan sebagai satu peluang kerjaya kalangan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) di UTHM.

## 3.0 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian adalah:

- (i) Apakah persepsi pelajar dalam merebut peluang perniagaan menerusi PdP?
- (ii) Apakah persepsi pelajar dalam merangka perancangan perniagaan?
- (iii) Apakah persepsi pelajar untuk bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan?

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Populasi yang digunakan ialah pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional. Setelah diambil kira pelajar tahun akhir di FPTV yang mewakili 230 orang populasi, hanya seramai 144 sampel sahaja yang diambil berdasarkan kebolehfungsian data yang telah diberikan oleh responden. Instrumen kajian menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama dan skala likert digunakan bagi mendapatkan maklum balas dimana skala 1 menunjukkan sangat tidak setuju dan skala 5 menunjukkan sangat setuju. Soal selidik dibahagikan kepada empat(4) bahagian dimana Bahagian A maklumat responden, bahagian B, C dan D menjawab persoalan kajian. Seterusnya, kesahan soal selidik telah disemak dan disahkan oleh tiga (3) orang pakar dan kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dan Cronbach's alpha iaitu 0.83 sebelum soal selidik diedarkan kepada sampel yang sebenarnya. Akhirnya, kajian rintis dilakukan untuk melihat sebarang kesamaran terhadap sebarang item dalam soal selidik itu. Kajian rintis telah dijalankan di FPTV dengan mengambil seramai 30 orang pelajar tahun tiga (3) semester satu dan pemilihan responden untuk kajian rintis dilakukan secara rawak. Data yang diperoleh daripada kajian rintis ini merupakan salah satu instrumen yang boleh digunakan untuk membantu kaedah tinjauan dan adalah untuk menyokong kajian berbentuk kuantitatif.

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN


Bahagian ini membincangkan hasil maklum balas responden bagi menjawab persoalan kajian yang telah digariskan.

##### (i) Analisis data demografi responden

Untuk bahagian demografi, data yang direkodkan ialah jantina, umur, bangsa/kaum dan bidang pengkhususan.

##### Jantina Responden

Hasil dapatan analisis menunjukkan bilangan responden lelaki sebanyak 59.7% (86 orang) manakala sebanyak 40.3% (58 orang) adalah mewakili responden perempuan. Rajah 4.1 menunjukkan hasil analisis data responden mengikut jantina.




Rajah 4.1: Responden Mengikut Jantina

##### Umur Responden

Rajah 4.2 menunjukkan hasil analisis data pelajar tahun akhir FPTV yang menjadi responden kepada soal selidik ini yang berusia dalam lingkungan 24 hingga 26 tahun iaitu sebanyak 118 daripada 144 responden, menjadikan


peratusnya sebanyak 81.3%. Manakala responden yang berusia 21 hingga 23 tahun peratusnya sebanyak 11.8% dan responden yang berusia 27 tahun ke atas adalah sebanyak 6.3%. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah yang berusia 24 hingga 26 tahun.



Rajah 4.2: Responden Mengikut Umur

### Bangsa Responden


Rajah 4.3 menunjukkan analisis data yang dijalankan, didapati responden Melayu adalah lebih tinggi nilai peratusannya iaitu sebanyak 95.1%, iaitu 137 orang daripada 144 responden. Ini bermakna pelajar tahun akhir FPTV kebanyakannya adalah kaum Melayu. Seterusnya bagi kaum India, nilai peratusannya adalah sebanyak 1.4%, 2 daripada 144 responden. Bagi kaum Cina pula, nilai peratusnya adalah sebanyak 0.7%, iaitu 1 daripada 144 responden dan selebihnya adalah kaum lain-lain peratusnya sebanyak 2.8%, 4 daripada 144 responden. Hal ini dapat dilihat bahawa kaum Melayu adalah yang tertinggi diikuti lain-lain, India dan Cina adalah yang paling rendah.



Rajah 4.3: Responden Mengikut Bangsa/Kaum

### Bidang Pengkhususan Responden

Rajah 4.4 menunjukkan hasil analisis data yang telah dilakukan, didapati responden dari bidang pengkhususan yang paling tinggi adalah kursus Elektrik dan Elektronik iaitu peratusan sebanyak 31.3%, 45 daripada 144 responden. Hal ini dapat dinyatakan bahawa kursus Elektrik dan Elektronik adalah yang paling ramai menjawab soal selidik. Seterusnya di ikuti dengan kursus Katering iaitu sebanyak 27.1%, 39 daripada 144 responden, kursus Binaan Bangunan sebanyak 14.6%, 21 daripada 144 responden, kursus Multimedia Kreatif iaitu peratusan sebanyak 11.8%, 17 daripada 144 responden. Bagi kursus Kimpalan Dan Fabrikasi Logam serta Penyejukbekuan Dan Penyamanan Udara masing-masing nilai peratusan sebanyak 6.9%, 10 daripada 144 responden. Bagi kursus Pemesinan Am pula peratusan sebanyak 1.4%, 2 daripada 144 responden.



Rajah 4.4: Responden Mengikut Bidang Pengkhususan

### (ii) Analisis data bagi persepsi pelajar dalam merebut peluang perniagaan

Jadual 4.1 menunjukkan nilai skor min keseluruhan terhadap persepsi pelajar merebut peluang perniagaan menerusi PdP di UTHM. Terdapat dua (2) item berada pada tahap tinggi iaitu item B2 dan B3. Nilai skor min bagi item B2 ialah 3.81 manakala item B3 pula pada 3.68. Hasil dapatan analisis juga mendapati terdapat satu (1) item berada pada tahap rendah iaitu item B7 dengan nilai skor min 1.99. Hasil keputusan nilai skor min ini telah dibuktikan bahawa responden memahami tentang cara merebut peluang perniagaan menerusi PdP di UTHM.

Jadual 4.1: Hasil analisis data persepsi pelajar dalam merebut peluang perniagaan

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawaian</b>	<b>Tahap</b>
B1	Saya tidak akan menunggu sesuatu peluang datang tetapi saya sendiri akan usaha mencapainya.	3.29	0.774	Sederhana
B2	Saya bertanggungjawab dalam setiap tindakan yang diambil untuk mencapai sesuatu matlamat.	<b>3.81</b>	<b>0.819</b>	<b>Sederhana</b>
B3	Saya sanggup meluangkan masa yang lama untuk mencari penyelesaian jika menghadapi sesuatu masalah.	<b>3.68</b>	<b>0.958</b>	<b>Sederhana</b>
B4	Saya mempunyai kebolehan dalam menilai sesuatu perkara dengan logik.	3.54	1.044	Sederhana
B5	Saya akan bertindak dengan segera untuk meyelesaikan sesuatu masalah yang timbul.	3.42	0.913	Sederhana
B6	Saya akan berpegang teguh dengan pendirian saya walaupun tindakan saya dikritik.	3.53	0.996	Sederhana
B7	Saya kurang sudi untuk menerima idea orang lain jika ia bercanggah dengan idea asal saya.	<b>1.99</b>	<b>0.912</b>	<b>Rendah</b>
B8	Saya mempunyai keupayaan untuk menilai kekuatan diri sendiri.	3.55	1.002	Sederhana
B9	Saya sanggup memilih alternatif yang mencabar walaupun ia akan membawa risiko yang tinggi kepada saya.	3.39	1.085	Sederhana
B10	Saya mampu menghasilkan sesuatu tugas yang diberi secara menarik.	3.53	0.923	Sederhana
<b>Purata Min Keseluruhan</b>		<b>3.38</b>	<b>0.94</b>	<b>Sederhana</b>

**(iii) Analisis data untuk persepsi pelajar dalam merangka perancangan perniagaan**

Jadual 4.2 menunjukkan nilai skor min keseluruhan terhadap persepsi pelajar merangka perancangan perniagaan. Terdapat satu (1) item berada pada tahap tinggi iaitu item C2. Nilai skor min bagi item C2 ialah 3.65. Hasil dapatan analisis mendapati terdapat satu (1) item berada pada tahap rendah iaitu item C9 dengan nilai skor min 3.19. Hasil daripada nilai purata skor min itu dapat dirumuskan bahawa kebolehan merangka perancangan perniagaan dalam kalangan pelajar tahun akhir (FPTV) telah didedahkan dari peringkat awal lagi dan kebanyakan responden pernah menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap.

Jadual 4.2: Hasil analisis data persepsi pelajar dalam merangka perancangan perniagaan

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawaian</b>	<b>Tahap</b>
C1	Saya tahu format perniagaan perancangan yang lengkap.	3.35	0.815	Sederhana
C2	Saya pernah menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap.	<b>3.65</b>	<b>0.941</b>	<b>Sederhana</b>
C3	Saya tahu jenis-jenis milikan perniagaan yang boleh dijalankan di Malaysia.	3.52	0.961	Sederhana
C4	Saya tahu menyediakan rancangan perniagaan yang bakal dijalankan nanti.	3.32	0.913	Sederhana
C5	Saya tahu menyediakan rancangan perniagaan mengikut sumber terkini.	3.34	0.947	Sederhana
C6	Saya tahu langkah-langkah menyediakan rancangan perniagaan sebelum memulakan sesuatu perniagaan.	3.33	1.037	Sederhana
C7	Saya tahu prosedur pendaftaran sesebuah perniagaan di Malaysia.	3.34	0.991	Sederhana
C8	Saya faham cara untuk membuat rancangan perniagaan.	3.33	1.023	Sederhana
C9	Saya memahami konsep pemasaran dengan baik melalui rancangan perniagaan.	3.19	0.941	Sederhana
C10	Saya boleh mengenal pasti keperluan pasaran semasa melalui rancangan perniagaan.	3.28	1.007	Sederhana
<b>Purata Min Keseluruhan</b>		<b>3.37</b>	<b>0.96</b>	<b>Sederhana</b>

**(iv) Analisis data persepsi pelajar untuk bekerja sendiri**

Jadual 4.3 menunjukkan nilai skor min keseluruhan terhadap persepsi pelajar untuk bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Terdapat tiga (3) item berada pada tahap tinggi iaitu item D2, D3 dan D8. Nilai skor min pada item D2 ialah 3.76, item D3 ialah 3.70 dan item D8 ialah 3.72. Hasil dapatan analisis mendapati terdapat satu (1) item berada pada tahap rendah iaitu item D5 dengan nilai skor min 3.28. Dapat dirumuskan bahawa kebolehan pelajar untuk bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan adalah pada tahap sederhana.

Jadual 4.3: Hasil analisis data kebolehan untuk bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawaian</b>	<b>Tahap</b>
D1	Saya mampu memotivasikan diri sendiri untuk mengejar cita-cita.	3.49	0.844	Sederhana
D2	Saya mempunyai motivasi untuk mencapai sesuatu bidang yang baru kepada saya.	<b>3.76</b>	<b>0.887</b>	<b>Sederhana</b>
D3	Saya ingin menceburi bidang yang mendatangkan hasil yang lumayan kepada saya selepas tamat pengajian.	<b>3.70</b>	<b>0.954</b>	<b>Sederhana</b>
D4	Saya sentiasa mengamalkan sikap positif dalam setiap perkara yang dilakukan.	3.49	0.961	Sederhana
D5	Saya akan mengikuti jejak seseorang yang telah berjaya untuk membuka perniagaan sendiri.	3.28	0.994	Sederhana
D6	Saya percaya dengan pendidikan yang diperolehi sekarang saya mampu membuka perniagaan sendiri.	3.31	0.977	Sederhana
D7	Bidang keusahawanan memberi pulangan yang menguntungkan.	3.47	0.900	Sederhana
D8	Saya ingin menjadi usahawan.	<b>3.72</b>	<b>0.936</b>	<b>Sederhana</b>
D9	Saya berminat untuk menceburi bidang yang berkaitan dengan perniagaan.	3.49	0.901	Sederhana
D10	Saya percaya apabila tamat pengajian, saya dapat melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dengan kadar segera.	3.59	0.904	Sederhana
<b>Purata Min Keseluruhan</b>		<b>3.53</b>	<b>0.93</b>	<b>Sederhana</b>

## 6.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang diperolehi, didapati responden pada skop kajian ini berada pada tahap sederhana dalam kemahiran keusahawanan. Ini menunjukkan terdapat persamaan dapatan kajian yang dibuat dengan kajian lepas (Farhana, 2013). Pelajar didapati bertanggungjawab dalam setiap tindakan yang diambil untuk mencapai sesuatu matlamat. Di samping itu, pelajar juga sanggup meluangkan masa yang lama untuk mencari penyelesaian jika menghadapi sesuatu masalah. Oleh itu, pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah merebut peluang perniagaan bagi melestarikan bidang keusahawanan menjadi elemen utama selepas tamat pengajian.

Terdapat perbezaan dengan kajian lepas bagi aspek pelajar kurang sudi untuk menerima idea orang lain jika ia bercanggah dengan idea asal (Jamil Basir, 2009). Didapati hasil dapatan bagi aspek ini pada kajian lepas lebih tinggi berbanding pada kajian ini. Hal ini membuktikan pelajar perlu melibatkan diri dalam pelbagai program bagi memupuk aspek untuk menerima dengan terbuka idea orang lain. Secara keseluruhannya, elemen kemahiran keusahawanan menerusi PdP berada pada tahap sederhana berdasarkan min keseluruhan yang diperolehi oleh pengkaji.

Skop kajian kedua iaitu mendapati bahawa responden kurang memahami konsep pemasaran dengan baik melalui rancangan perniagaan. Pada aspek ini terdapat perbezaan dapatan kajian yang dibuat dengan kajian lepas. Pelajar pada kali ini didapati pernah menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap. Di samping itu, pelajar tahu jenis milikan perniagaan yang boleh dijalankan di Malaysia. Oleh itu, pelajar perlu diberi pendedahan yang secukupnya mengenai elemen keusahawanan dalam diri mereka agar mereka lebih bersemangat untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Terdapat persamaan dengan kajian lepas bagi aspek pelajar memahami konsep



pemasaran dengan baik melalui rancangan perniagaan. Didapati hasil dapatan bagi aspek ini pada kajian lepas adalah rendah berbanding pada kajian ini. Hal ini membuktikan pensyarah perlu selalu mendedahkan pelajar untuk membiasakan diri membina dan merangka perancangan perniagaan agar mereka lebih berkeyakinan untuk memajukan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu, pelajar dapat melatih diri dari peringkat awal supaya aspek merangka perancangan perniagaan ini sehati dalam diri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kebolehan merangka perancangan perniagaan merupakan elemen penting dalam kemahiran keusahawanan.

Skop kajian ketiga iaitu mendapati bahawa responden mempunyai motivasi untuk mencapai sesuatu bidang yang baru dalam diri mereka berada pada tahap tinggi walaupun secara keseluruhan adalah sederhana. Pada aspek ini terdapat perbezaan dapatan kajian yang dibuat dengan kajian lepas. Pelajar mempunyai motivasi untuk mencapai sesuatu bidang yang baru kepada pelajar. Di samping itu, pelajar juga ingin menceburi bidang yang mendatangkan hasil yang lumayan kepada pelajar selepas tamat pengajian. Hal ini dapat dilihat bahawa responden mempunyai motivasi yang tinggi untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan setelah tamat pengajian. Mereka mampu untuk membuat sesuatu tugas dengan berkaliber dan mampu berdikari untuk memajukan diri mereka sendiri. Terdapat perbezaan dengan kajian lepas bagi aspek pelajar percaya dengan pendidikan yang diperoleh sekarang pelajar mampu membuka perniagaan sendiri. Responden percaya bahawa apabila tamat pengajian bidang keusahawanan dapat menjadi pilihan kedua sebagai kerjaya pilihan kerana responden bersetuju dan percaya apabila mereka menceburi bidang keusahawanan, bidang ini mampu mendatangkan hasil yang lumayan kepada mereka. Oleh sebab itu, responden bersetuju untuk bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan dan memilih bidang ini sebagai kerjaya pilihan. Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa bidang keusahawanan merupakan bidang yang sangat penting dalam untuk dipelajari kerana ia mampu membantu seseorang itu berjaya dalam bidang yang diceburi.

## 7.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa kemahiran keusahawanan menerusi PdP dalam kalangan pelajar tahun akhir (FPTV) di UTHM adalah berada pada tahap sederhana. Hal ini berdasarkan nilai skor min yang diperolehi daripada ketiga-tiga aspek yang telah dikaji. Merujuk persoalan kajian pertama, ia menunjukkan kemahiran keusahawanan menerusi aktiviti PdP. Dapatan daripada analisis soal selidik mendapati bahawa tahap dapatan kajian kemahiran keusahawanan bagi merebut peluang perniagaan berada pada tahap sederhana. Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa pensyarah perlu menerapkan elemen kemahiran keusahawanan dalam aktiviti pembelajaran dengan lebih meluas lagi. Bagi persoalan kajian kedua, didapati responden kurang arif untuk merangka perancangan perniagaan dalam bidang keusahawanan iaitu berada di tahap yang sederhana. Responden kurang memahami konsep pemasaran dengan baik. Hal ini harus diterapkan menerusi aktiviti PdP supaya pelajar dapat memahami dan dikuasai oleh mereka dari peringkat pengajian rendah atau peringkat pengajian tinggi. Seterusnya bagi persoalan kajian yang terakhir iaitu yang ketiga, didapati bahawa pelajar tahun akhir (FPTV) mempunyai motivasi yang tinggi memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya apabila tamat pengajian. Dapatan analisis ini jelas menunjukkan bahawa pelajar menyedari dengan menceburi bidang keusahawanan merupakan pilihan kedua yang terbaik untuk menjana pendapatan setelah tamat pengajian. Hal ini dapat dilihat bahawa responden mempunyai motivasi dan mampu membina jati diri untuk berjaya. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa elemen keusahawanan berada pada tahap sederhana yang merangkumi ketiga-tiga aspek kajian yang telah dijalankan. Elemen keusahawanan ini masih boleh dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi dengan memberi lebih penekanan terhadap kemahiran keusahawanan dengan sokongan dari pelbagai pihak antaranya pelajar, pensyarah, universiti, ibu bapa, kementerian dan masyarakat.

## 8.0 RUJUKAN

- A. Malek, M. A. N., (2009). *Kesediaan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. Tesis Sarjana.
- Abd Aziz, M. S. dan Muhammad, M., (2007). *Rekabentuk Kerangka Piawaian Nasional Program Kejurulatihan Guru/Pensyarah TVET: Perspektif Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*.
- Abu Bakar, T. @ S., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H. Dan Muktar, S. N., (2007). *Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan Dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*.
- Basir, J. (2009). *Kajian Penggunaan Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah*. Tesis Sarjana.

- Buang, N. A. dan Mohd. Yassin, R., (2008). *Kajian Keperluan Pendidikan Keusahawanan Secara Formal Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Pendidikan, UKM. Seminar Pendidikan Kejuruteraan & Alam Bina (PeKA2008).*
- Choong, C.Y. (2009). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia: Untuk program perguruan pendidikan rendah pengajian 4 tahun. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.; 2008.*
- Deraman, N., Mohamad, A., Bakar, H., Hashim, N. & Keat (2007). *Keusahawanan: Teori dan praktis. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.*
- Eddy, S. A., (2007). *Mengenal Pasti Tahap Motivasi Dan Kecenderungan Terhadap Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Satu Tinjauan Di UTHM. Tesis Sarjana.*
- Ezanonie, P. R., dan Wan Ariffin, U. P.,(2011). Van Gelderen dan Madura, 2007. *Penilaian Program Perintis Usahawan (Ppu) Di Sekolah Rendah. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM.*
- Farhana, M. R. (2013). *Pembudayaan keusahawanan arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM.*(Tesis Sarjana). Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Hashim, S. dan Radio, N., (2011). *Ciri Personaliti Keusahawanan Pelajar Tahun 2 Sph Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.*
- Ismail A. Wahab, Zarina S., Siti Zahrah B., (2008). *Budaya Keusahawanan Panduan Memulakan Perniagaan. Selangor:Arah pendidikan Sdn. Bhd.*
- John W. Cresswell., (2008). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches.* Singapore: SAGE Publication, Inc.
- Khamsah, M. Z., Abu, M. S. dan Razzaly, W., (2008). *Penerapan Kemahiran Insaniah (Ki) Kepada Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran Di IPTA.* Prosiding SKIKS 08.
- Mahani Razali. M. N., (2014). *Usahawan Taska dan Tadika Bonda Mama.*
- Martha, R. M. & Nagler, J. (2009). *A Method for Weighting Survey Samples of Low Incidence Voter.* Paper prepared for the 2005 Political Methodology Summer Meeting, Tallahassee, Florida July, 2005.
- Nursyamimi, S. (2015). *Siswazah terlalu memilih pekerjaan.* Utusan Mingguan. ms. 12.
- Othman, T. (2011). *Zero draft of thesis.* Selangor, Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources.
- Pandian, A., Azman, H. dan Haroon H. A., (2009). *Kurikulum universiti dan keperluan untuk memperoleh pekerjaan.* Monograf Penyelidikan Pendidikan Tinggi; 13/2009. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), 2009. *Graduan Fakulti Kejuruteraan, Ukm.* Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007.
- Suaibah, A. B. (2007). *Penglibatan kaum wanita dalam aktiviti keusahawanan di negeri Johor: Kajian terhadap faktor-faktor kritikal kejayaan dan kegagalan pengendalian perniagaan.* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Van, G. (2007). *Entrepreneurship in Context.* New York: 711 Third Avenue.